



LAWATAN KERJA YB PUAN HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN KE JETI KUALA SEPETANG



Pada 13 Januari 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, telah melawat Jeti Kuala Sepetang di Taiping, Perak. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat keperluan kawasan berkenaan sebagai pusat pelancongan setempat. Turut hadir bersama-sama lawatan ini adalah Pengarah Jabatan Perumahan Negara dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Perak.

Kuala Sepetang merupakan destinasi pelancongan di Perak yang cukup sinonim dengan keindahan flora dan fauna. Keunikan ekosistem yang terjalin antara tumbuhan hutan paya bakau dan fauna Kuala Sepetang sentiasa menggantik para pelancong dari dalam dan luar negara.

Seterusnya, YB Zuraida Kamaruddin telah mengumumkan peruntukan RM2 Juta bagi menaik taraf jeti Kuala Sepetang agar lebih selesa dan selamat sekaligus dapat menarik lebih ramai pelancong. Bagi mengindahkan kawasan berikut, beliau telah mengusulkan cadangan kepada ketua kampung untuk berkerjasama dengan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan penduduk setempat untuk mengecat rumah mereka secara berwarna-warni untuk menarik perhatian pelancong. Potensi jeti Kuala Sepetang untuk

dinaik taraf adalah dengan mewujudkan pasar atas air yang menjual barang tempatan oleh penduduk di sekitar jeti.

Dalam lawatan ini, YB Zuraida telah menyumbang 10 mikrofon kepada pemandu pelancong bagi memudahkan komunikasi sekaligus kerja yang dilakukan lebih sistematik dan tersusun. Beliau juga amat berpuas hati dengan pengurusan sampah penduduk sekitar jeti Kuala Sepetang dan berharap agar usaha ini diteruskan demi kelestarian kawasan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat